

TAWASSUL AND ISTIGHATHAH WITH PROPHET MUHAMMAD IN THE PRACTICE OF MAWLID BERZANJI

TAWASSUL DAN ISTIGHATHAH DENGAN NABI MUHAMMAD DALAM AMALAN MAWLID BERZANJI

Arieff Salleh Rosmanⁱ, Zulkiflee Haronⁱⁱ, Juhazren Junaidiⁱⁱⁱ, Farahwahida Mohd Yusuf^{iv}, Mohd Syukri Yeoh Abdullah^v & Zuraini Mashrom^{vi}

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). aswar@utm.my

ⁱⁱ Pensyarah Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). zulkiflee@utm.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). juhazren@utm.my

^{iv} Pensyarah Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). farahwamy@utm.my

^v Felo Kanan Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). mosyuoh@yahoo.com

^{vi} Pensyarah Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, Bangi. zuraini@gmail.com

Abstract	<i>Tawassul and istighathah with Prophet Muhammad are among the practices of Muslims in Malaysia when they greet the Prophet's birthday (mawlid) and recite the Mawlid al-Barzanji book (kitab). This practice becomes polemic to the practice of mawlid and berzanji (rhythmic recitation of prophet Muhammad praising) by some Muslims in Malaysia. Until there are those who accuse the practice as shirk and kufr. Therefore, this study is conducted to analyze the issues raised regarding tawassul and istighathah in the practice of mawlid and berzanji and to analyze the opinion of the Islamic jurists on the issue. The study involved qualitative and quantitative data through interviews, content analysis, and questionnaires. A total of four respondents were interviewed, 34 documents were analyzed, and 233 respondents answered the questionnaires. The findings of this study found that the issue of tawassul and istighathah with the Prophet Muhammad after his death is an issue of ijtihad. The study concludes that Muslims are encouraged to perform tawassul and istighathah with the Prophet Muhammad, the other Prophets and the Apostles, and the righteous person; whether they are alive or after they died.</i> Keywords: Tawassul, istighathah, prophet, mawlid, berzanji.
Abstrak	<i>Tawassul dan istighathah dengan Nabi Muhammad merupakan antara amalan yang dilakukan oleh umat Islam di Malaysia ketika menyambut mawlid Nabi dan membaca kitab Mawlid al-Barzanji. Amalan ini menimbulkan polemik terhadap amalan mawlid dan berzanji yang diamalkan oleh sebahagian umat Islam di Malaysia. Sehingga terdapat golongan yang menuduh amalan tersebut adalah syirik dan kufur. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk menganalisa isu yang ditimbulkan berkaitan tawassul dan istighathah dalam amalan mawlid dan berzanji serta menganalisa perbezaan pendapat ulama berkaitan isu tersebut. Kajian yang dilakukan melibatkan data kualitatif dan kuantitatif melalui temubual, analisa kandungan, dan soal selidik. Seramai empat orang</i>

	<i>responden telah ditemubual, 34 dokumen telah dianalisa, dan 233 responden telah menjawab soal selidik. Dapatan kajian ini mendapati bahawa isu tawassul dan istighathah dengan Nabi Muhammad selepas kewafatan baginda merupakan isu ijtihadi. Kajian ini mentarjihkan bahawa digalakkan bertawassul dan beristighathah dengan Nabi Muhammad SAW, para Nabi dan Rasul, serta orang saleh, sama ada ketika mereka masih hidup atau selepas mereka meninggal dunia.</i> Kata kunci: <i>Tawassul, istighathah, nabi, mawlid, barzanji.</i>
--	--

PENDAHULUAN

Amalan menyambut hari kelahiran Nabi Muhammad SAW yang juga dikenali sebagai 'mawlid Nabi' dan bacaan kitab Barzanji sudah lama bertapak di Alam Melayu (Rippin, 2008; Mahrus Ali, 2011 & Wasisto Raharjo Jati, 2012). Kedatangan Islam yang dibawa oleh para ulama ke Alam Melayu, bukan hanya sekadar berbentuk doktrin keagamaan, bahkan turut membawa budaya dan kesenian bangsa Arab. Ia merupakan salah satu uslub dakwah bagi menarik minat masyarakat Alam Melayu untuk menerima Islam. Antara bentuk warisan seni Arab yang masih bertapak kukuh dalam kalangan umat Islam di Alam Melayu ialah sambutan mawlid dan bacaan berzanji (Ahmad Mujahid Abdullah et. al, 2012).

Penerimaan masyarakat dunia Islam terhadap Kitab Mawlid al-Barzanji; merentasi benua Afrika, Timur Tengah dan Asia Tenggara (Ahmad Mujahid Abdullah et. al, 2012) dapat dilihat melalui sokongan ulama terhadapnya. Selain daripada amalan berzanji yang dilakukan dalam lingkungan kehidupan masyarakat seharian, Kitab Mawlid al-Barzanji turut disyarah oleh para ulama terkemuka dan diiktiraf keilmuannya seperti Muhammad bin Ahmad 'Illish al-Maliki al-'Asy'ari al-Syadzili al-Azhari (w1299H/1882M) dengan kitab 'Al-Qawl al-Munji 'ala Mawlid al-Barzanji'; Muhammad Nawawi al-Banten al-Jawi (w1314H/1897M) menulis syarah Mawlid al-Barzanji bertajuk 'Madarij al-Su'ud ila Iktisa' al-Burud' dan 'Targhib al-Mushtaqin'; Sayyid Ja'far bin Sayyid Isma'il bin Sayyid Zainal 'Abidin bin Sayyid Muhammad Al-Hadi bin Sayyid Zain (w1317H) menulis syarah bagi Mawlid al-Barzanji yang dinamakannya 'Al-Kawkab al-Anwar 'ala 'Iqd al-Jawhar fi Mawlid al-Nabi al-Azhar'; 'Abd al-Rahim al-Jarjawi al-Maliki (w1342H) dalam bukunya 'Talhin al-Sanji Syarh Mawlid al-Barzanji'.

Pada asasnya, masyarakat Islam diajar oleh para ulama terdahulu memperingati hari kelahiran Nabi SAW dengan amalan membaca kitab mawlid seperti kitab Barzanji bertujuan untuk mencontohi dan mengamalkan ajaran yang dibawa oleh Baginda SAW. Ia termasuk dalam uslub dakwah untuk memotivasikan umat agar sentiasa ingat dan mencintai Rasulullah SAW (Ahmad Mujahid Abdullah et. al, 2012). Walaupun Kitab Mawlid al-Barzanji mendapat sokongan daripada ulama muktabar dalam kalangan para mufti di Mekah dan Madinah, namun, dewasa ini terdapat kecaman daripada segelintir ilmuan Islam terhadap kitab tersebut dan amalan membacanya.

Antara kecaman mereka, penganut Berzanji mengangkat dan mensucikan Nabi Muhammad SAW ke taraf ketuhanan atau *ilah*, dengan memohon hajat daripada Baginda SAW (Rasul Dahri, 2001; Abu Ahmad Zainal Abidin, 2009; Al-Atsari, 2010; Abu 'Abdullah Khidhir, 2012; Nasiruddin Aziz, 2012 & Yuyu Elshah, 2013)

Artikel ini menganalisa isu yang dibangkitkan oleh golongan anti berzanji serta penjelasan ulama berkaitan isu tawassul dan istighathah dengan Nabi Muhammad SAW.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggabungkan dua kaedah penyelidikan untuk dua fasa berbeza, iaitu kualitatif dan disusuli kajian kuantitatif atau lebih dikenali sebagai *mix-method* (Creswell, 2009). Menurut Creswell (2009), kaedah penyelidikan campuran (*mixed methods*) adalah satu prosedur untuk mengumpul, menganalisis, dan menggabungkan kedua-dua penyelidikan, iaitu kuantitatif dan kualitatif dalam satu penyelidikan untuk memahami

masalah kajian. Kaedah pengumpulan data dibuat melalui kajian kepustakaan terlebih dahulu bagi mengetahui senario yang berlaku dalam isu amalan dan kandungan kitab Barzanji seterusnya penyelidik menggunakan instrumen temubual dan semakan dokumen untuk mengenalpasti isu hukum berkaitan amalan dan kandungan kitab Barzanji. Bagi fasa kedua penyelidik menggunakan instrumen soal selidik bagi mengenalpasti amalan masyarakat Islam berkaitan Barzanji.

Fasa 1 kajian ini melibatkan data kualitatif; dokumen dan temubual. Kaedah persampelan yang digunakan bagi data kualitatif ialah persampelan bertujuan iaitu *purposive sampling*. Ciri responden temubual kajian ini ialah mereka yang mempunyai kepakaran bagi menjelaskan hukum berkaitan Barzanji. Kajian ini melibatkan empat Orang responden temubual iaitu:

- i. Dato' Dr Johari bin Mat.
- ii. Tuan Guru Syaikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki.
- iii. Dr. Ahmad Husni bin Hj Hasan.
- iv. Maulana Muhammad Asri bin Yusoff.

Manakala data dokumen dipilih berdasarkan dua ciri utama, iaitu bahan bertulis; tesis, buku, artikel, kertas kerja dan bahan data digital daripada carian internet yang terdiri daripada dua format iaitu kandungan bertulis melalui laman blog dan rakaman suara youtube. Ciri responden ialah individu yang menjelaskan tentang isu hukum berkaitan kitab dan amalan Barzanji. Data dokumen kajian ini melibatkan 34 data.

Manakala fasa 2 kajian ini melibatkan data kuantitatif dengan menggunakan persampelan rawak. Persampelan kajian ini ditetapkan oleh pihak Yayasan Warisan Johor kerana mereka lebih mengenali golongan sasaran kajian ini iaitu umat Islam yang terlibat dalam aktiviti Barzanji di negeri Johor. Responden kajian ini berjumlah 223 orang telah menjawab soal selidik berkaitan amalan berzanji.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, antara isu yang ditimbulkan oleh golongan anti-berzanji ialah selawat ketika marhaban aktiviti Berzanji terdapat elemen syirik bertawassul dan beristighathah dengan Nabi Muhammad SAW (Rasul Dahri, 2001; 2002; Abu Ahmad Zainal Abidin, 2009; Darul Haris, 2011; Abu 'Abdullah Khidhir, 2012; Nasiruddin Aziz, 2012; Johari Mat, 2017). Contohnya terdapat dalam mawlid Barzanji nazam:

Terjemahan	Teks Asal
Hambamu (umatmu) yang miskin, Mengharap kurniamu yang agung lagi besar.	عبدك المسكين يرجو فضلك الجم الغفير
Maka tolonglah aku dan lindungi aku dari neraka Sa'ir, Wahai orang yang diberi mandat untuk melindungi umatnya.	فأعثنني وأجرني يا مجير من السعير
Wahai penolongku wahai tempat aku berlindung, Dalam menghadapi segala urusan yang berat-berat.	يا غياثي يا ملاذي في مللمات الأمور

Menurut Johari Mat (2017), antara isu yang timbul berkaitan amalan berzanji dan kandungan kitab Mawlid al-Barzanji yang berlawanan dengan Syarak ialah bertawassul dengan Nabi Muhammad SAW. Bertawassul dengan Nabi Muhammad SAW selepas kewafatan Baginda adalah amalan yang bercanggah dengan syariat Islam. Kita hanya boleh memohon kepada Allah, tanpa perantaraan.

"Ha yang macam ni, orang kata tawassul. Tawassul ni pusing macam mana pun, dia tetap orang pertikai hatta dengan Nabi. Jadi yang ni, kita tak payah teruskanlah. Kita murnikan dengan buang bahagian yang ni. Kita ambil benda-benda yang lain. Yang jelas. Yang samar-samar macam ni, kita buang" (Johari Mat, 2017).

Isu ini turut disokong daripada data analisis dokumen. "Meminta pertolongan dengan bertawassul kepada Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* perkara biasa bagi pembuat bid'ah sebagaimana yang terbukti di dalam kitab Berzanji:

وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِشَرَفِ الذَّاتِ الْمُحَمَّدِيَّةِ.

Maksudnya, *"Dan kami bermohon dengan berperantaraan (bertawassul) kepadaMu melalui keberkatan hakikat al-Muhammadiyah"* (Rasul Dahri, 2001).

Prosa dan syair yang mengandungi tawassul dan istighathah kepada Nabi Muhammad SAW dalam kitab Mawlid al-Barzanji mengandungi elemen melampaui batas dan syirik. *"Antara cerita yang berlebih-lebihan yang membawa kepada ghalu (melampaui batas) dan kesyirikan di dalam berzanji ialah: 'Salam atasmu wahai penghapus dosa'. Ungkapan dalam syair di atas ini jika diyakini benar maka ia boleh membawa kepada berlakunya syirik tasybih (menjadi syirik kerana menyerupakan Allah dengan makhlukNya)"* (Rasul Dahri, 2001).

Syair yang mengandungi tawassul dan istighathah kepada Nabi SAW agar Baginda memberikan syafaat untuk diampunkan dosa, selain dianggap syirik, menyamakan Nabi dengan Allah, *"Yang paling dahsyat mungkarnya, penganut Berzanji mengangkat dan mensucikan Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* ke taraf ketuhanan atau ilah"* (Rasul Dahri, 2001). Ia juga didakwa terpengaruh dengan pemikiran Kristian bahawa paderi boleh menghapuskan dosa.

*"Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* juga dijadikan tempat menghapus segala dosa sebagaimana kepercayaan penganut agama Nasrani menjadikan ketua agama mereka sebagai tempat pengampunan dosa. Apakah perbuatan dan keyakinan seperti ini tidak boleh menyebabkan berlakunya kesyirikan? Fahamilah rangkap syair di bawah ini yang mengajar agar menjadikan Rasulullah tempat penghapus dosa bagi mereka yang telah melakukan maksiat: 'Salam atasmu wahai harapan (penghapus dosa) para pembuat maksiat'"* (Rasul Dahri, 2001).

Tawassul dan istighathah yang terdapat dalam prosa dan syair kitab Barzanji didakwa sebagai amalan memohon doa dan hajat kepada Nabi Muhammad SAW, bukan berdoa kepada Allah Ta'ala, dan ia dianggap sebagai amalan syirik. *"Adakah Rasulullah memiliki sifat-sifat ketuhanan sehingga boleh menghapuskan dosa, memohonkan doa/hajat, dan menahan bencana?"* (Darul Haris, 2011).

"Penulis kitab Barzanji mengajak untuk mengkultuskan Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam secara berlebihan dan menjadikan Nabi sebagai tempat untuk meminta tolong dan bantuan sebagaimana pernyataannya. Sikap berlebihan kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam, mengangkatnya melebihi derajat kenabian dan menjadikannya sekutu bagi Allah Azza wa Jalla dalam perkara ghaib dengan memohon kepada beliau Shallallahu 'alaihi wa sallam dan bersumpah dengan nama beliau Shallallahu 'alaihi wa sallam merupakan sikap yang sangat dibenci Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam, bahkan termasuk perbuatan syirik" (Abu Ahmad Zainal Abidin, 2009).

"Kesesatan demi kesesatan dan kebatilan demi kebatilan membanjiri buku yang ditulis oleh Al-Barzanji. Pantaskah bacaan dengan kubangan lumpur syirik yang diperangi Nabi Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam dijadikan sara taqarrub (Pendekatan) dan bukti cinta kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam. Wallahul Musta'an..." (Abu 'Abdullah Khidhir, 2012).

"Ghauts artinya penolong/penyelamat dalam kondisi yang sangat genting. Permintaannya disebut istighathsah, dalam perang badar Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa

Sallam beristighatsah kepada Allah Azza wa Jalla. Perang badar dihadiri orang-orang terbaik umat ini tapi bersamaan dengan itu Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam beristighatsahnya kepada Allah Azza wa Jalla. Permintaan syafaat kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam adalah kesyirikan, yang benar adalah memohon kepada Allah Azza wa Jalla agar dimasukkan dalam orang-orang yang mendapat syafaat Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam" (Abu 'Abdullah Khidhir, 2012).

"Penulis Barzanji mengajak untuk mengagungkan Rasulullah s.a.w dengan berlebihan dan menjadikan Nabi s.a.w sebagai tempat untuk mintak tolong dan bantuan. Ini terbukti dalam kitab Barzanji, *"Fi ka qad ahsantu zonni, ya bashiru ya naziru, fa'aghisni wa'ajin ya mujiru minassa'iri ya ghayati ya milady fi muhimmatil umuri"*. Dia kata *"wahai pemberi khabar gembira, wahai pemberi peringatan, maka tolonglah aku dan selamatkanlah aku"*. *"wahai pelindung dari neraka sa'ir"* Dia kata Nabi ni pelindung dari neraka sa'ir. Nabi pun tak ada kuasa nak lindung kita daripada neraka. Dia kata di sini, dia claim macam-macam. *"wahai penolongku dan pelindungku"* (Nasiruddin Aziz, 2012)

Oleh itu pengarang kitab Barzanji didakwa telah memasukkan elemen syirik dalam kitabnya: *"Syirik...syirik...syirik... Al Barzanji telah membanjiri bukunya dengan bait-bait semisal di atas yang mengandungi kesyirikan yang bias mengeluarkan dari Islam, memangkas habis dasar-dasar keimanan dan keislaman seseorang yaitu, kemurnian ibadah kepada Allah Azza wa Jalla semata"* (Abu 'Abdullah Khidhir, 2012).

Menurut penentang amalan berzanji, doa tawassul dan istighathah yang terkandung dalam kitab Barzanji tidak layak dianggap sebagai pujian terhadap Nabi Muhammad SAW. *"Doa ini (doa minta syafaat kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam) adalah doa syirik maka pantaskah dijadikan sebagai pujian kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam"* (Abu 'Abdullah Khidhir, 2012).

Bahkan kesyirikan yang dilakukan oleh pengamal kitab Barzanji lebih buruk daripada syirik yang dilakukan oleh Abu Jahal dan Abu Lahab, serta musyrikin Mekah: *"Orang yang membaca kedua bait di atas dan bait-bait sebelumnya telah melupakan Allah Azza wa Jalla dan mengangkat Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam ke posisi Rabb. Kesyirikannya lebih hebat dari Abu Jahal, Abu Lahab dan seluruh kaum musyrikin yang diperangi dan dihalalkan darahnya oleh Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam"* (Abu 'Abdullah Khidhir, 2012).

Turut didakwa bahawa elemen syirik yang terdapat dalam prosa kitab al-Barzanji ialah mengajak pembacanya untuk menyembah kubur Nabi Muhammad SAW dan para wali.

"Para pencinta dan pengamal Kitab Berzanji juga menggalakkan para pengamalnya meminta-minta ke kuburan Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam untuk memperoleh kesejahteraan, cita-cita, hajat dan segala yang diinginkan. Ajaran ini terkandung di dalam syair berikut: "Inilah nabi bagi sesiapa yang menziarahi makamnya memperoleh kesejahteraan, cita-cita, hajat dan keinginannya" (Rasul Dahri, 2001).

"Penganut dan pengamal berzanji juga berpegang dengan fahaman kuburi (pencinta, pemuja atau penyembah kubur). Mereka mendewa dan mensucikan (mentakdis) kuburan para rasul, para nabi, para wali dan orang-orang yang mereka sucikan terutama kuburan Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam, sehingga mereka meyakini umrah dan haji mereka tidak sempurna kecuali setelah melihat maqam Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: 'Sesungguhnya haji dan umrahku adalah melihat Raudah dan Maqam. Mereka adalah manifestasi cahaya jiwaku dan dengan merekalah diperoleh kesempurnaan'. 'Jika aku tidak dapat menziarahi kuburnya (kubur nabi), kekecewaan dan kehampaanlah yang ku dapat, sia-sialah umurku" (Rasul Dahri, 2001).

Sebaliknya, menurut Muhammad Nuruddin (2017) dan Ahmad Husni (2017), tawassul dan istighathah yang terkandung dalam marhaban yang terdapat dalam kitab Mawlid al-Barzanji (nazam) tidak melampaui batasan syarak. Ia masih berada dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syarak. Muhammad Nuruddin (2017) menjelaskan:

"Jadi kalau sendainya dari sudut pandang yang sama, maka dengan bahan yang sama jelas tidak akan berlaku kelainan pandangan, kelainan pendapat antara kita dengan mereka. Mereka beranggapan yang namanya tabarruk itu syirik, mereka beranggapan yang namanya tawassul itu syirik. Sebabkan, kebanyakan daripada buku-buku Mawlid itu mengandungi unsur-unsur tawassul. Haa jadi bagaimana itu? Jadi, sekiranya mereka berlapang dada sebagaimana saya katakan tadi, tawassul, mereka kaitkan tawassul dalam bidang akidah. Padahal tawassul kepada Baginda Rasulullah SAW itu termasuk dalam masalah hukum halal dan haram, termasuk dalam bidang fiqhiyah, tentang halal dan haram, tentang hukum hakiki bukan termasuk dalam bidang akidah. Pada saat itu diakidahkan, menurut mereka sebab di situ kita memohon kepada selain Allah. Kalau kita nak ikutkan pandangan mereka meminta, memohon kepada selain Allah, kalau berkira-kira kerna ada yang selain Allah yang memberikan manfaat dan mudarat, memang syirik. Itu memang pasti. Itu kita satu panduan dan juga satu haluan. Tapi kalau hanya setakat tawassul sahaja dikatakan itu boleh membuat kepada kesyirikan, maka bagaimana dengan puluhan dalil, tawassul Nabi Allah Adam, tawassul sahabat Nabi kita kepada Baginda Nabi kita setelah Baginda meninggal dunia. Tawassul daripada para sahabat di antaranya Saidina Umar, mereka katakan tu tawassul ketika Nabi kita masih hidup. Makanya itu Nabi kita, Saidina Umar tidak bertawassul kepada Baginda selepas Nabi kita wafat. Adapun, masa hidup, kami dulu kalau ada masalah-masalah bertawassul kepada Baginda. Tapi sekarang selepas Nabi wafat tawassul kepada siapa, selepas Baginda Rasulullah, Saidina Abbas, itu dalil, Hadis itu mashur. Itu pun mereka tolak. Jadi kata mereka itu membuktikan kita tidak boleh bertawassul kepada yang telah wafat kerana itu Saidina Umar beralih daripada Baginda kepada Saidina Abbas. Kita, mazhab kita beza. Kita katakan tu sebagai bukti sebagaimana kita boleh bertawassul kepada Baginda, kita juga boleh bertawassul kepada keluarga, kepada para auliya', dan juga orang-orang yang soleh. Ini mungkin titik perbezaan".

Muhammad Nuruddin (2017) melanjutkan lagi penjelasannya berkaitan isu tawassul dalam amalan berzanji:

"Kalau kita mahu berlapang dada menurut awak itu syirik, tapi menurut kami, jangankan membuat kepada kesyirikkan. Justeru itu yang terbaik dalam metode kita berdoa. Cara kita bermunajat. Kenapa? Bukan kerna kita tidak patut, bukan, kerna kita tidak layak. Meminta diri kepada Allah Azza wa Jalla tapi kita ni tahu siapa kita ni dulu, kita merasa dan tahu betul tentang diri kita, tak de orang lain yang tahu tentang diri kita. Orang lain tengok kita. Kita saja. Dahi hitam, tasbih di tangan, jubah di luar, Allah, Allah, Allah. Tetapi seperti apa bila kita sendirian? Seperti apa kita dengan Allah Azza wa Jalla. Nah kerna yang itunya. Jadi katanya kita ini, bukan kata kita tidak boleh meminta, tapi kerna perasaan-perasaan tidak layak, perasaan tidak sopan kerana kita beriman dengan macam-macam kesilapan dan kesalahan. Alangkah eloknya kita bertawassul dengan "Ya Allah dengan kemuliaan Baginda Nabi, para auliya' dan juga orang-orang soleh Kau kabulkan hajat". Itu saja makna daripada tawassul bukan kita menyembah, bukan kita meminta, agar mereka yang memberikan segala-galanya tidak. Kita minta kepada Allah".

Selanjutnya Muhammad Nuruddin (2017) dan Ahmad Husni (2017) menolak tohmahan bahawa tawassul dan istighathah kepada Nabi Muhammad SAW dalam syair marhaban sehingga melangkaui menyamakan kedudukan Nabi Muhammad SAW dengan Allah. Syair marhaban adalah ungkapan rasa dan emosi mencintai dan memuliakan Nabi Muhammad SAW dalam seni ilmu *balaghah* dan *badi'* bahasa Arab. Maka untuk memahaminya perlu merujuk kepada ilmu *wijdan* dan *balaghah*. Namun sekiranya lafaz syair itu diterjemahkan secara *harfiah* dan diolah mengikut logik akal semata-mata, maka boleh sahaja ia dianggap ungkapan syirik, yang memberikan kuasa ketuhanan kepada Nabi Muhammad SAW. Ahmad Husni (2017) menyatakan, *"Takdir/taqdim dan ia adalah ilmu-ilmu Balaghah dia, ilmu-ilmu yang badi'nya kan? Jadi kadang-kadang bila kesan yang*

macam gitu, bila kita lihat negatif, jadi kesannya negatif lah kan? Kita pandang perkara daripada aspek yang bercanggah. Jadi semua tu satu perkara yang tidak baik lah”.

Muhammad Nuruddin (2017) turut menjelaskan, *“Ini kita kaji ada sudut kita boleh bersama, kita bersama bahkan ulama mengatakan kalau ada terdapat seribu asbab kekufuran tapi masih ada satu lagi yang boleh kita terelak daripada kita menghakiminya sebagai seorang kafir murtad, itu kita akan arahkan daripadanya supaya kita boleh berlapang dada”.*

Dapatan kajian soal selidik menunjukkan bahawa para pengamal berzanji di Negeri Johor memahami bahawa tawassul dan istighathah yang terkandung dalam marhaban Barzanji tidak sampai kepada tahap mereka bermohon kepada Nabi Muhammad SAW. Mereka meyakini bahawa Allah yang memakbulkan segala permohonan, namun tawassul dan istighathah adalah untuk mendapatkan keberkatan yang Allah kurniakan kepada Nabi Muhammad SAW. Majoriti responden (86.5%) tidak bersetuju dengan pernyataan “ Dengan membaca kitab Barzanji, saya meyakini lebih utama meminta kepada Nabi Muhammad berbanding meminta daripada Allah” (B14) dan 75.4% juga tidak bersetuju “ Apabila berdoa dalam bait syair kitab barzanji, meminta daripada Allah dengan keberkatan Nabi Muhammad, saya meyakini bahawa Nabi Muhammad yang memakbulkan doa itu” (B15).

PERBINCANGAN

Tawassul bermaksud memohon sesuatu hajat kepada Allah Subhanahu Wa Taala dengan keberkatan sesuatu seperti nama-nama Allah, para Nabi & Rasul, orang soleh, dan amal salih (al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah, 1986: 14/149). Manakala istighathah pula bermaksud memohon pertolongan daripada seseorang agar mendoakan sesuatu yang dihajati daripada Allah subhanaHu wa ta’ala kerana kelebihan yang dimiliki oleh seseorang yang diminta pertolongan itu (al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah, 1986: 4/22). Para ulama telah berbeza pandangan berkaitan isu tawassul dan istighathah kepada Nabi Muhammad SAW selepas kewafatan baginda. Terdapat tiga pendapat ulama:

Pendapat Pertama

Sebilangan ulama berpendapat bahawa bertawassul dan beristighathah kepada Nabi Muhammad SAW selepas baginda meninggal dunia adalah dilarang, serta ia dikategorikan sebagai amalan syirik kerana meminta-minta kepada makhluk, bukan hanya meminta kepada Allah Subhanahu Wa Taala. Pendapat ini dikemukakan oleh Ibnu Taymiyyah (1995: 1/202) dan ulama yang sealaran dengannya.

Pendapat Kedua

Sebilangan ulama yang lain pula berpendapat bahawa dibenarkan berdoa kepada Allah dengan bertawassul dan beristighathah kepada Nabi Muhammad SAW, para Nabi dan Rasul yang lain, serta hamba Allah yang soleh; sama ada ketika mereka masih hidup, ataupun selepas mereka meninggal dunia. Pendapat ini merupakan pendapat Imam Malik, al-Subki (2008: 357-358), al-Karmani, al-Nawawi (t.th.: 8/274), al-Qastalani, al-Samhudi (1419H: 4/193), Ibnu al-Haj, Ibnu al-Jazari, dan al-Shawkani (1988: 50) (al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah, 1986: 4/24).

Al-Nawawi menjelaskan ketika seseorang yang sedang berada di kubur Nabi Muhammad SAW, selepas selesai memberi salam kepada baginda, “Kemudian dia kembali ke tempat asalnya dengan menghadapkan wajahnya kepada Rasulullah SAW dan seterusnya berdoa kepada Allah dengan bertawassul dengan baginda Rasulullah SAW serta memohon dengan syafaat baginda. Antara ungkapan tawassul yang terbaik sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Mawardi dan al-Qadi Abu al-Tayyib dan para ulama mazhab Syafi’i yang lain, daripada al-’Utbi, beliau berkata, ‘Pada suatu hari saya duduk di kubur Rasulullah SAW. Lalu datang seorang Arab Badwi dan dia berkata, ‘Assalamu’alayka ya Rasulullah! Sesungguhnya aku mendengar firman Allah Subhanahu Wa Taala yang bermaksud “dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri

datang kepadamu (wahai Muhammad), lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah maha penerima taubat, lagi maha mengasihani" (Surah al-Nisa', ayat 64). Sekarang aku datang bertemu denganmu wahai Rasulullah, memohon ampun daripada Allah atas segala dosaku serta memohon syafaat denganmu kepada Tuhanku.' Kemudian lelaki itu beredar. Aku bermimpi berjumpa dengan Nabi SAW dan baginda bersabda, 'Wahai 'Utbi. Benar apa yang diungkapkan oleh lelaki Badawi itu. Sampaikanlah khabar gembira untuknya, sesungguhnya Allah telah mengampunkan dosanya" (al-Nawawi, t.th. 8/274).

Taqiy al-Din al-Subki (w756H) menjelaskan, "Dibenarkan bahkan digalakkan memohon kepada Allah dengan bertawassul, beristighathah serta meminta syafaat dengan Nabi Muhammad SAW. Keharusan dan galakan ini merupakan amalan yang sudah dimaklumi oleh orang yang memiliki agama dalam dirinya. Amalan tersebut dilakukan oleh para Nabi dan Rasul, ulama salaf soleh, ulama dan orang awam dalam kalangan umat Islam. Tiada siapa yang mengingkari amalan tersebut dalam kalangan ulama serta tidak pernah kedengaran ada yang mengingkarinya sejak zaman berzaman, sehinggalah datang Ibnu Taimiyah. Beliau mengemukakan pendapat (menentang tawassul dan istighathah serta menganggapnya syirik) yang tidak jelas, yang tidak pernah dikemukakan oleh ulama yang terdahulu. Cukuplah sekadar kamu mengetahui bahawa pengingkaran Ibnu Taimiyah terhadap istighathah dan tawassul adalah pendapat yang tidak pernah diungkapkan oleh para ulama sebelumnya. Saya berpendapat, bertawassul dengan Nabi Muhammad SAW adalah dibenarkan dalam segala keadaan, sama ada sebelum baginda dicipta, selepas baginda dicipta; sama ada ketika baginda masih hidup atau selepas kewafatan baginda di alam barzakh, sehingga selepas dibangkitkan pada hari kiamat dan ketika dalam syurga" (al-Subki, 2008: 357-358).

Nur al-Din Abu al-Hasan 'Ali ibn 'Abd Allah ibn Ahmad al-Hasani al-Syafi'i al-Samhudi (w 911H) menjelaskan dalam kitabnya 'Wafa' al-Wafa' bi Akhbar Dar al-Mustafa Sallallah 'Alayhi Wasallam', "Memohon pertolongan (istighathah) dan syafaat daripada Nabi Muhammad SAW dengan kemuliaan dan keberkatan baginda kepada Allah merupakan amalan para Nabi dan Rasul serta ulama salaf soleh. Ia boleh dilakukan dalam setiap hal, sama ada sebelum baginda dicipta atau selepas baginda dicipta, ketika baginda masih hidup, atau ketika baginda berada di alam bazakh serta di hari kiamat kelak" (Al-Samhudi, 1419H: 4/193).

Antara dalil yang mengharuskan istighathah dan tawassul dengan Nabi Muhammad SAW dan juga dengan para Nabi, Rasul dan orang soleh yang lain ialah:

1) Istighathah yang dilakukan oleh Nabi Adam: 'Umar bin al-Khattab melaporkan, Rasulullah SAW bersabda:

{لَمَّا اقْتَرَفَ آدَمُ الْخَطِيئَةَ، قَالَ: يَا رَبِّ أَسْأَلُكَ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ لَمَّا غَفَرْتَ لِي، فَقَالَ اللَّهُ: يَا آدَمُ، وَكَيْفَ عَرَفْتَ مُحَمَّدًا وَلَمْ أَخْلُقْهُ؟ قَالَ: يَا رَبِّ، لِأَنَّكَ لَمَّا خَلَقْتَنِي بِيَدِكَ وَنَفَخْتَ فِيَّ مِنْ رُوحِكَ رَفَعْتَ رَأْسِي فَرَأَيْتُ عَلَى قَوَائِمِ الْعَرْشِ مَكْتُوبًا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ، فَعَلِمْتُ أَنَّكَ لَمْ تُضِفْ إِلَى اسْمِكَ إِلَّا أَحَبَّ الْخَلْقِ إِلَيْكَ، فَقَالَ اللَّهُ: صَدَقْتَ يَا آدَمُ، إِنَّهُ لِأَحَبُّ الْخَلْقِ إِلَيَّ، ادْعُنِي بِحَقِّهِ، فَقَدْ غَفَرْتُ لَكَ وَلَوْلَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقْتُكَ }

Maksudnya, "Apabila Adam mahu memohon ampun atas kesilapannya, dia berkata, 'Wahai Tuhanku. Aku memohon daripadaMu dengan kemuliaan Muhammad, Engkau ampunkanlah aku. Allah bertanya, 'Wahai Adam, bagaimana engkau kenal Muhammad, sedangkan Aku masih belum menciptanya? Adam menjawab, 'Wahai Tuhanku. Tatkala Engkau menciptaku dan Engkau tiupkan roh kepadaku, aku mendongakkan kepalaku. Aku melihat di Arash tertulis 'La ilaha illallah Muhammad RasululLah. Aku tahu, sesungguhnya Engkau tidak akan menambah kepada namaMu melainkan makhluk yang paling Engkau cintai. Allah berfirman, 'Engkau benar wahai Adam! Sesungguhnya dia (Muhammad) adalah makhluk yang paling Aku cintai. Berdoalah kepadaKu dengan kemuliaannya, maka Aku telah

ampunkan bagimu. Jika bukan kerana Muhammad, maka Aku tidak akan menciptamu"
Hadis sahih direkodkan oleh imam al-Hakim (2002: 2/672).

Al-Subki (2008: 364) menyatakan bahawa hadis ini secara jelas menunjukkan bahawa Nabi Adam telah bertawassul, beristighathah dan memohon syafaat dengan kemuliaan Nabi Muhammad SAW.

2) Abu Umamah bin Sahl bin Hunayf melaporkan daripada bapa saudaranya; Uthman bin Hunayf, "Ada seorang lelaki berbeza pendapat dengan Uthman bin 'Affan berkaitan dengan sesuatu yang lelaki itu hajati. Uthman tidak menghiraukan lelaki itu dan tidak memenuhi hajatnya. Lelaki itu bertemu dengan Uthman bin Hunayf mengadukan hal tersebut. Uthman bin Hunayf berkata, 'Ambil bekas air itu dan berwuduklah. Kemudian kamu pergi ke masjid dan solat sunat dua rakaat. Kamu baca doa ini: *'Allahumma inni as'aluka wa atawajjahu ilayka bi Nabiyyina Muhammad Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam Nabi al-Rahmah, ya Muhammad inni atawajjahu bika ila Rabbi fa taqdi li hajati'* (Ya Allah! Aku memohon kepadaMu dan aku bertawajjuh kepadaMu dengan keberkatan Nabi kami; Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam, Nabi yang membawa rahmat. Wahai Muhammad! Sesungguhnya aku bertawajjuh dengan keberkatanmu untuk bermohon kepada Tuhanku. Maka penuhilah untukku hajatku wahai Tuhanku) kemudian kamu sampaikan hajat kamu itu. Pergilah ke masjid dan saya akan pergi bersama kamu'. Lelaki itu pun beredar lalu melaksanakan apa yang disuruh itu. Selepas itu, lelaki itu pergi ke rumah Uthman bin 'Affan. Penjaga pintu memegang tangan lelaki itu dan membawanya masuk bertemu dengan Uthman bin 'Affan. Uthman mempersilakan lelaki itu duduk di sisinya di atas tilam, lalu bertanya, 'Apa hajat kamu?' Lelaki itu menyampaikan hajatnya dan Uthman pun menyempurnakan hajat itu untuknya. Uthman berkata kepada lelaki itu, 'Saya tidak ingat hajat kamu itu sehingga tiba satu ketika.' Uthman berkata lagi, 'Apa yang kamu hajati itu, saya ingatnya kembali.' Lelaki itu pun keluar daripada rumah Uthman dan terus pergi bertemu dengan Uthman bin Hunayf. Lelaki itu berkata, 'Semoga Allah kurniakan kepada kamu kebaikan. Sebelum ini Uthman bin 'Affan tidak menghiraukan hajat saya bahkan beliau tidak mengendahkan saya pun, sehinggalah kamu ajarkan saya amalan itu.' Uthman bin Hunayf berkata, 'Demi Allah! Sebenarnya bukan saya yang mengemukakan doa itu, tetapi saya pernah melihat Rasulullah SAW didatangi oleh seorang lelaki buta. Lelaki itu mengadu kepada baginda berkenaan penglihatannya yang telah hilang. Lalu Nabi berkata kepada lelaki itu, 'Hendaklah kamu bersabar!' Lelaki itu berkata, 'Wahai Rasulullah, saya tidak ada orang yang boleh membantu memimpin saya, ia merumitkan pergerakan saya.' Nabi SAW berkata, 'Ambil bekas air dan berwuduklah. Kemudian kamu solat sunat dua rakaat. Kamu baca doa ini.'" Hadis sahih direkodkan oleh imam al-Tabarani (t.th. 9/30).

Hadis ini turut dilaporkan melalui riwayat sahih yang lain. 'Umarah bin Khuzaymah melaporkan daripada Uthman bin Hunayf, "Seorang lelaki buta datang bertemu dengan Nabi Muhammad SAW lalu berkata, 'Tuan berdoa kepada Allah agar Dia menyembuhkan mata saya.' Nabi menjawab, 'Jika kamu mahu, kamu melewati penglihatan kamu di syurga nanti, itu lebih baik. Tetapi jika kamu mahu, saya boleh doakan kesembuhan mata kamu sekarang.' Lelaki itu meminta agar baginda mendoakannya. Lalu Nabi mengarahkan lelaki itu berwuduk dengan sempurna, kemudian solat sunat dua rakaat, kemudian berdoa dengan doa ini:

{اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ، وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ، يَا مُحَمَّدُ إِنِّي تَوَجَّهْتُ بِكَ إِلَى رَبِّي فِي حَاجَتِي هَذِهِ فَتَقْضِ لِي، اللَّهُمَّ شَفِّعْهُ فِيَّ وَشَفِّعْنِي فِيهِ}

Maksudnya, "Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu, dan aku bertawajjuh kepadaMu dengan NabiMu, Nabi Muhammad, Nabi yang menjadi rahmat, wahai Muhammad, aku bertawajjuh denganmu kepada Tuhanku pada hajatku ini, maka tetapkanlah untukku. Ya Allah kurniakan syafaatnya (Nabi Muhammad) kepadaku dan syafaatkan daku padanya". Hadis sahih direkodkan oleh imam al-Hakim (2002: 5/569).

Hadis sahih ini turut diriwayatkan oleh imam al-Tirmizi, al-Nasa'i, Ibnu Majah, dan al-Bayhaqi.

Al-Subki (2008) menjelaskan bahawa Uthman bin Hunayf mengajarkan kepada lelaki itu berdoa kepada Allah sambil bertawassul dan beristighathah dengan Nabi Muhammad SAW kerana beliau faham ia adalah amalan yang disyariatkan sama ada bertawassul dan beristighathah ketika Nabi masih hidup atau selepas kewafatan baginda.

3) Para ulama sepakat berpendapat bahawa dibenarkan bertawassul dengan amal soleh berdasarkan hadis sahih yang menjelaskan kisah tiga orang yang terperangkap dalam gua. Ibnu Taimiyah dan para ulama yang sealian dengannya turut menerima kaedah tawassul tersebut. Ini membuktikan bahawa berdoa kepada Allah dengan bertawassul dan beristighathah bukanlah amalan syirik sebagaimana yang didakwa oleh Ibnu Taimiyyah dan penyokongnya. Jika bertawassul dengan amal soleh diiktiraf oleh Nabi Muhammad SAW sebagai salah satu kaedah berdoa kepada Allah, maka adakah salah bertawassul dan beristighathah dengan Nabi Muhammad SAW dan hamba Allah yang soleh? Jika bertawassul dengan amal soleh tidak dianggap syirik oleh Ibnu Taimiyah, maka kenapa bertawassul dan beristighathah dengan Nabi Muhammad SAW dan hamba Allah yang soleh yang telah meninggal dunia dikatakan syirik! (al-Subki, 2008: 366).

4) Bertawassul dan beristighathah bukan hanya sekadar dengan Nabi Muhammad SAW, bahkan boleh dilakukan dengan orang yang soleh. Anas bin Malik melaporkan, "Umar bin al-Khattab ketika berlaku kemarau, beliau akan meminta hujan bertawassul dengan 'Abbas bin 'Abd al-Muttalib. Umar berdoa: "Ya Allah, kami pernah bermohon kepadaMu dengan bertawassul dengan Nabi kami, lalu Engkau kurniakan kami hujan. Sekarang, kami bermohon kepadaMu dengan bertawassul dengan bapa saudara Nabi kami, maka kurniakanlah kami hujan." Anas berkata, "Lalu mereka dikurniakan hujan". Hadis sahih direkodkan oleh imam al-Bukhari (1993: 2/27).

Pendapat ketiga

Sebilangan ulama lain pula berpendapat bertawassul dan beristighathah dibenarkan hanya kepada Nabi Muhammad SAW; sama ada ketika baginda masih hidup atau selepas baginda meninggal dunia. Pendapat ini dikemukakan oleh al-'Iz ibn 'Abd al-Salam (al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah, 1986: 4/26). Mereka berhujah dengan hadis Uthman bin Hunayf.

PENUTUP

Isu bertawassul dan beristigathah dengan Nabi Muhammad SAW selepas kewafatan baginda merupakan isu yang sudah lama diperdebatkan dalam kalangan ulama. Oleh kerana ia isu ijthadi, maka umat Islam perlu berlapang dada dalam menerima pendapat yang berbeza. Pendapat yang mengatakan bahawa bertawassul dan beristighathah dengan Nabi Muhammad SAW, para Nabi dan Rasul, serta orang saleh; sama ada ketika mereka masih hidup atau selepas mereka meninggal dunia, adalah dibenarkan oleh Syarak, bahkan digalakkan, adalah pendapat yang lebih rajih kerana terdapat hadis sahih yang membenarkan amalan tersebut. Oleh itu, tawassul dan istighathah yang terkandung dalam kitab Barzanji adalah tidak bercanggah dengan hukum Syarak.

PENGHARGAAN

Pihak penyelidik mengucapkan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor kerana membiayai dana penyelidikan yang bertajuk, "Kajian Isu Hukum Yang Terdapat Dalam Kitab Mawlid Al-Barzanji". Penyelidikan tersebut dilakukan dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Johor dan kumpulan penyelidik daripada Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia.

RUJUKAN

- Abu Ahmad Zainal Abidin. 2009. Barzanji: Kitab Induk Peringatan Maulid Nabi Shallallahu Alaihi Wa Sallam. *Majalah As-Sunnah*, 12.
- Ahmad Mujahid Abdullah, Siti Rugayah Hj Tibek, Wan Kamal Mujani, Jawiah Dakir, Kamaruzaman Yusof. 2012. Amalan Barzanji: Adakah Ia Selaras Dengan Ajaran Islam? *International Journal of West Asian Studies*. Vol.4.(2): pp. 23-35
- Al-Atsari, Abu Salma. 2010. Studi Kritis Syair-syair Barzanji dan Burdah. *Al-Hujjah Risalah*, 50(4): 1-2.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. 1993. *Sahih al-Bukhari*. Sunt. Mustafa Dib al-Bugha. Cet. ke-5. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Al-Hakim, Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Naysaburi. 2002. *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. 1986. Cet. ke-2. Al-Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya bin Sharaf. t.th. *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Samhudi, Nur al-Din Abu al-Hasan 'Ali ibn 'Abd Allah ibn Ahmad al-Hasani al-Syafi'i. 1419H. *Wafa' al-Wafa' bi Akhbar Dar al-Mustafa sallallah 'alayhi wasallam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali. 1988. *Tuhfat al-Dhakhirin*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- Al-Subki, Taqiy al-Din. 2008.. *Shifa' al-Saqam fi Ziyarah Khayr al-Anam*. Sunt. Husayn Muhammad 'Ali Shukri. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad. t.th. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Sunt. Hamdi ibn 'Abd al-Majid al-Salafi. Qaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Ibnu Taymiyyah, Abu al-'Abbas Ahmad ibn 'Abd al-Halim al-Harrani. 1995. *Majmu' al-Fatawa*. Sunt. 'Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Qasim. Madinah Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mashaf al-Syarif.
- Muhammad Asri Yusoff. 2017. Temubual. 17 Oktober 2017. Pusat Pengajian Darul Kautsar, Kubang Kerian, Kelantan.
- Muhammad 'Illish, Muhammad ibn Ahmad 'Illish al-Maliki. 1884. *Al-Qawl al-Munji 'ala Mawlid al-Barzanji*. al-Qahirah: Matba'at 'Uthman 'Abd al-Raziq.
- Muhammad Nawawi Banten. 1876. *Madarij al-Su'ud ila Iktisa' al-Burud*. Semarang: Maktabah wa Matba'ah Putra Semarang.
- Rasul Dahri. 2001. *Kebatilan dan Kemungkaran Berzanji & Perayaan Maulid Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wa-sallam)*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Rippin, Andrew. 2008. *The Islamic World*. London: Routledge.
- Wasisto Raharjo Jati. 2012. Tradisi Sunnah dan Bid'ah: Analisa Barzanji dalam Perspektif Cultural Studies. *el-Harakah*, 14(2): 226-242.

Temubual

- Ahmad Husni Hasan. 2017. 17 Oktober 2017. Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak.
- Johari Mat. 2017. 17 Oktober 2017. Dewan Negeri Kota Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan.
- Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki. 2017. 16 Oktober 2017. No. 31, Jalan Gemilang 5, Taman Saujana, Kluang Johor.

Internet

- Abu Abdullah Khidhir. 2012. Sesatkah Kitab Berzanji? <https://aboeshafiyah.wordpress.com> (diakses pada 5 Januari 2017).
- Darul Haris. 2011. Membongkar kandungan kitab al-Barzanji. <http://darulharis.blogspot.my> (diakses pada 5 Januari 2017).
- Mahrus Ali. 2011. Kesesatan-kesesatan dalam Kitab Berzanji. <https://mantankyainu.blogspot.my> (diakses pada 5 Januari 2017).

- Nasiruddin Aziz. 2012. Menimbang Amalan Berzanji & Marhaban Menurut Neraca Al-Qur'an & Sunnah. <https://youtube/D0HOFceNISs> (diakses pada 6 Januari 2017).
- Yayu Elsay. 2013. Tradisi Barzanji dalam Tinjauan Syariat. <https://yayuelsahdotcom1.wordpress.com> (diakses pada 5 Januari 2017).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.